

The Importance of Counseling to Parents with Special Needs Children

Zamri Mahamod^a, Mohd Haris Rahmat^b, Noor Aziahana Mohd Fekri^c

^{a,b,c}Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

E-mail: d-zam@ukm.edu.my, No. HP:+60193924264

Abstract: The birth of a child with special needs in each family was given a sense of anxiety to parents in addressing and managing the lives of children with special needs. Some parents feel very disappointed and sad because worry is not able to give full attention to their children. They also have less exposure from various sources related to managing their child's life. Therefore, a study on the importance of counselling to parents who have children with special needs has been carried out to assist parents in managing their children's special needs. The importance of counselling visits from four aspects, namely how to deal with emotional problems of parents, management and life care, education and future needs and work with special needs children. For this purpose, a total of 30 parents who have children with special needs in special education classes at local high schools Bandar Sri Permaisuri, Kuala Lumpur was chosen as the sample in this study. Information of respondents collected through a questionnaire that contains some parts. Result of study has found that parents think that counselling is very important and can help them in taking care of children with special needs. Almost all respondents have a positive perception of the importance of counselling. Therefore, counselling services are playing an important role for parents who have children with special needs.

Keywords: Counselling, parents, child with special needs

PENGENALAN

Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO (*World Health Organization*) menganggarkan bahawa 10 peratus (%) penduduk dunia terdiri daripada orang keperluan khas (WHO, 1992). Kerajaan Malaysia pula menganggarkan bahawa terdapat kira-kira 1.3 juta orang keperluan khas dalam negara ini (Zinaidah 2006). Namun berdasarkan statistik pendaftaran Orang Kurang Upaya daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia setakat bulan Februari pada tahun 2014, seramai 498,906 Orang Kurang Upaya (OKU) telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Kategori keperluan khas paling ramai mendaftar ialah golongan yang mengalami masalah pembelajaran, iaitu seramai 180,067 dan diikuti masalah fizikal (163,809), masalah pendengaran (59,161), masalah penglihatan (46,875), masalah mental (20,492), masalah pertuturan (3,717) dan 24, 785 yang mempunyai masalah pelbagai kombinasi, manakala lebih kurang 35% daripada jumlah ini merupakan kanak-kanak.

Murid-murid keperluan khas mengalami masalah dalam pelbagai aspek. Kesemua ini boleh mempengaruhi keupayaan mereka untuk belajar dan menggunakan kemahiran sosial. Antara ketidakupayaan ini termasuklah hiperaktif, gopoh, kerisauan, ketidakstabilan emosi, estim sendiri yang rendah, tingkah laku agresif dan susah mengenali emosi orang lain. Masalah emosi dan interpersonal ini akan mempengaruhi persepsi orang lain dan seterusnya persepsi sendiri murid-murid itu sendiri. Kesemuanya ini akan menyebabkan mereka ini mengalami kegagalan dari segi sosial. Justeru, guru-guru perlu menitikberatkan bimbingan dan kaunseling serta khidmat sokongan murid-murid keperluan khas kerana mungkin terdapat murid-murid ini di dalam kelas yang diajar oleh mereka (Lee Keok et al. 2014).

Soal penekanan terhadap hak dan masa depan golongan keperluan khas adalah antara isu yang kini mula mendapat perhatian di mata dunia. Kebebasan dan kelantangan bersuara individu serta badan-badan bukan

kerajaan atau NGO (*Non-Governmental Organizations*) dalam menentang pendapat dan masalah berkaitan golongan keperluan khas di negara-negara maju terutamanya, menyebabkan nasib golongan ini kian terbelah. Seperti negara-negara lain, Malaysia juga berusaha mewujudkan peluang yang sama rata untuk golongan ini bagi membolehkan mereka bebas daripada halangan fizikal, sosial, sikap, ekonomi dan juga budaya, yang seterusnya menggalakkan integrasi penuh golongan ini ke dalam masyarakat (Lau et al. 2011).

Pada bulan November 2007, Akta Orang Kurang Upaya 2007 yang memberi hak perundangan kepada golongan keperluan khas telah diluluskan di parlimen. Rang undang-undang OKU tahun 2007 tersebut bertujuan mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan golongan ini. Akta Orang Kurang Upaya ini mula dikuatkuasakan pada 7 Julai 2008 dan adalah perundangan pertama yang berlandaskan hak bagi OKU.

Perkembangan ke arah penyamarataan hak dan peluang golongan keperluan khas ini dalam masyarakat di Malaysia boleh dikatakan bergerak agak pesat. Walaupun begitu, ianya masih belum mencukupi untuk membela nasib golongan keperluan khas di Malaysia. Terdapat masih ramai lagi dalam kalangan mereka yang tidak mendapat peluang, sama ada pekerjaan mahupun pendidikan, yang sama seperti golongan tipikal yang lain (Mohd Hafiz 2009). Bermula dengan masalah penerimaan ibu bapa serta kekurangan maklumat atau tidak mengetahui cara untuk menguruskan anak keperluan khas ini yang seterusnya membataskan pergerakan dan menghalang integrasi mereka ke dalam masyarakat pada masa akan datang.

KEPERLUAN PERKHIDMATAN KAUNSELING UNTUK MURID-MURID KEPERLUAN KHAS

Murid-murid keperluan khas ini biasanya menghadapi masalah dalam menjalani kehidupan mereka sama ada kehidupan di rumah atau sekolah kerana mereka tidak dapat menyesuaikan keperluan hidup mereka dengan kehendak masyarakat (Tengku Sarina Aini, 1997). Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah memperakukan mengenai kepentingan peluang pendidikan dalam membantu golongan keperluan khas untuk mencapai hak kesamarataan dan kebebasan asasi. Hal ini selaras dengan pengisytiharan hak-hak manusia, perkara 26, Bangsa-bangsa bersatu tahun 1967 yang memberi hak yang sama kepada manusia dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti kehidupan seharian mereka. Kepentingan pendidikan kepada golongan ini juga telah diperakui oleh kerajaan Malaysia di mana Akta OKU yang dilancarkan pada tahun 2008 menyatakan bahawa golongan ini tidak terkecuali daripada sistem pendidikan umum atas dasar ketidakupayaan mereka.

Kepentingan dan keperluan keunseling kepada murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran adalah tidak dapat dinafikan lagi. Mereka memerlukan bantuan secara kaunseling bagi menghadapi permasalahan mereka. Menurut Zalizan (2009), murid keperluan khas di Malaysia masih mengalami kekangan untuk penglibatan sepenuhnya dalam beberapa konteks seperti pendidikan, perkhidmatan sokongan sosial, kesihatan serta pekerjaan. Seterusnya, tidak dapat dinafikan bahawa setiap orang ingin diri mereka dianggap penting, berguna dan dihormati, begitu juga dengan golongan keperluan khas (Zinaida 2004). Mereka juga adalah manusia yang mempunyai perasaan dan harga diri. Justeru, mereka juga mahukan penghargaan sendiri untuk membentuk keyakinan bahawa diri mereka juga berkebolehan dan produktif dalam semua aspek kehidupan mereka. Dianggarkan sebanyak sepuluh peratus murid yang terdiri daripada remaja menerima khidmat pendidikan khas di sekolah-sekolah. Remaja yang mempunyai masalah pembelajaran adalah remaja yang mempunyai masalah sekurang-kurangnya dalam satu bidang akademik. Kebiasaannya mereka menghadapi masalah dalam bidang yang lain seperti tingkah laku, emosi dan lain-lain (Zainal & Mohd Sharani 2005).

Ibu bapa memainkan peranan penting bagi membantu anak-anak mereka yang keperluan khas dalam menghadapi cabaran hidup supaya anak-anak mereka boleh berada hampir seiring dengan anak-anak lain yang tipikal. Antara perkara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa adalah berbincang serta meminta nasihat dan panduan dengan guru kaunseling di sekolah. Pengetahuan ilmu bimbingan dan kaunseling kepada setiap ibu bapa yang mempunyai anak-anak khas ini adalah amat penting. Dengan mengetahui ilmu-ilmu bimbingan dan kaunseling ini, ibu bapa dapat menguruskan dengan baik sebelum meminta bantuan daripada pihak yang mempunyai kepakaran. Sekurang-kurangnya ibu bapa dapat menyelesaikan masalah-masalah kecil yang tidak kritikal dan kompleks sebelum merujuk masalah itu kepada pakar kaunseling untuk diatasi.

PERNYATAAN MASALAH

Dewasa ini, terdapat ramai bilangan ibu bapa yang mempunyai anak-anak keperluan khas. Selain daripada ketentuan yang telah ditetapkan oleh-Nya, perkara ini juga berlaku disebabkan oleh beberapa faktor yang tertentu. Menurut Zainiyah (2006), ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas ini pada mulanya akan diselubungi oleh perasaan kehilangan, rasa bersalah dan ketakutan. Berbincang dengan ibu bapa yang turut mempunyai anak keperluan khas dapat membantu dalam mengatasi perasaan sedih dan terkejut mereka serta mencari jalan untuk mereka terus berjuang di masa hadapan. Fikiran dan emosi ibu bapa akan berkecamuk dengan pelbagai soalan dan kemungkinan. Reaksi dan perasaan ibu dengan kelahiran bayi yang keperluan khas

adalah berbeza, ada yang marah, terkejut, tidak percaya, sedih, kecewa, rasa bersalah dan malu. Pada masa yang sama, terdapat juga ibu yang menerima berita ini dengan tabah dan tenang.

Kesedaran ibu bapa serta keluarga terhadap pengurusan dan penjagaan anak-anak keperluan khas harus diberi keutamaan kerana diakui bukan mudah untuk menjaga mereka. Saban hari ibu bapa terpaksa menepis persepsi masyarakat yang menganggap mereka ini tidak berguna dan tidak dapat memberi sumbangan kepada masyarakat. Konflik yang dihadapi akan menyebabkan emosi ibu bapa akan terganggu dan tidak stabil. Selain itu, kebanyakan ibu bapa mendapati bahawa semakin banyak mereka mengetahui tentang pengurusan kehidupan individu yang keperluan khas, semakin ia akan membantu mereka untuk berhadapan dengan kesedihan dan ketakutan (Barbara 2005).

Di samping itu, oleh kerana bantuan untuk golongan keperluan khas tidak mencukupi, maka hak kepada pendidikan diketepikan untuk memberi laluan kepada keperluan asas seperti makan, minum, pakaian dan tempat tinggal. Sekolah Pendidikan Khas tidak diwujudkan di semua daerah. Hal ini bermakna ibu bapa terpaksa mengorbankan masa dan wang untuk seorang anak keperluan khas. Hal ini juga dianggap sebagai beban dan menjadi jalan mudah bagi mengatasi masalah ini adalah tidak mendaftarkan mereka di sekolah-sekolah khas.

Sekolah juga merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam mengembangkan program pendidikan termasuk perkhidmatan psikologi dan kaunseling. Perkhidmatan kaunseling kepada murid-murid pendidikan khas merupakan komponen yang penting dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah (Lomas 2008). Kursus kaunseling kelompok untuk keluarga murid-murid keperluan khas adalah amat sesuai untuk diaplikasikan. Menurutnya, kursus kaunseling untuk keluarga murid-murid keperluan khas masih belum dilaksanakan oleh institusi pengajian tinggi dan sekolah serta pertubuhan kebajikan yang lain. Hal ini kerana, kaunselor yang bertanggungjawab biasanya kaunselor dalam bidang psikologi dan bukan dalam bidang pendidikan khas (Shakila 2010).

Pada masa kini, sekolah merupakan institusi pendidikan yang membuka ruang terhadap murid-murid keperluan khas ini. Hasil kajian yang dijalankan oleh Lokman et al. (2009) terhadap 30 orang tenaga pengajar di tiga buah politeknik berkaitan pendidikan teknik dan vokasional untuk murid keperluan khas mendapati bahawa tenaga pengajar di ketiga-tiga politeknik telah menunaikan tanggungjawab mereka dalam melahirkan masyarakat yang berilmu walaupun ada dalam kalangan murid mereka dikategorikan sebagai murid-murid khas. Oleh itu, setiap sekolah harus mempunyai tanggungjawab untuk melihat keperluan-keperluan pendidikan kepada semua pelajarinya termasuklah murid-murid pendidikan khas.

Beberapa kajian yang telah dijalankan terhadap murid-murid ini mendapati bahawa golongan murid ini telah menunjukkan peningkatan prestasi jika dibandingkan dengan sebelum ini. Rath dan Royer (2002) telah menjalankan kajian terhadap keberkesanan perkhidmatan terhadap murid yang mengalami masalah pembelajaran. Kajian melihat enam kategori, iaitu: (a) kemudahan teknologi dan program, (b) program pengubahsuaian, (c) bantuan akademik secara langsung, (d) bimbingan dan kaunseling, (e) strategi latihan dan (f) reka bentuk intervensi untuk melihat kekuatan dan kelemahan daripada bidang akademik. Dapatan kajian telah menunjukkan murid yang menghadirkan diri ke kolej bertambah setiap tahun berdasarkan program-program yang telah dijalankan.

Tidak dinafikan bahawa golongan keperluan khas juga mempunyai masalahnya yang tersendiri. Justeru, penglibatan kaunselor adalah amat diperlukan dalam menangani masalah-masalah golongan ini. Penglibatan kaunselor terhadap murid pendidikan khas ini juga telah menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa (Milsom 2002). Antara masalah yang dihadapi antaranya: (a) tiada agensi atau jabatan khusus mengendali golongan kurang upaya, (b) bantuan kebajikan yang tidak mencukupi dan (c) peluang pekerjaan yang terhad (Noor Aziah 2004).

Oleh kerana tiada agensi atau jabatan yang mengurus atau mengendalikan golongan keperluan khas, maka banyak masalah telah timbul. Ketiadaan agensi khas atau jabatan juga menyebabkan tiada pengklasifikasian di buat mengikut klasifikasi tertentu. Ia penting terutamanya dalam menentukan tahap dan kesesuaian pelajaran yang sepatutnya diperoleh.

Temu bual yang dijalankan bersama Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU) di JKMM (Mohd Hafiz 2009), menyatakan bahawa di Malaysia masih belum terdapat satu pendekatan atau strategi khas dalam sesi kaunseling yang diberikan kepada golongan keperluan khas. Malah, penggunaan terma Kaunseling Pemulihan juga dianggap janggal oleh pegawai-pegawai psikologi yang memberikan khidmat kaunseling kepada mereka yang keperluan khas. Keadaan ini berlaku kerana pengenalan dan pendedahan mengenai program kaunseling pemulihan khusus kepada anak keperluan khas sangat jarang diperkatakan. Selain itu, masyarakat juga meletakkan persepsi bahawa kaunseling pemulihan adalah satu pendekatan yang diguna pakai untuk membantu penagih-penagih dadah dan juga remaja-remaja yang terlibat dengan kes-kes juvana. Oleh yang demikian, perkhidmatan Kaunseling Pemulihan bagi golongan keperluan khas perlu diperkenalkan dan dipraktikkan di Malaysia supaya kaunselor yang terlibat boleh membantu golongan ini mengenal pasti masalah dan memberi celik akal kepada golongan keperluan khas untuk hidup dalam persekitaran yang lebih bermakna.

Menerusi perkhidmatan kaunseling pemulihan, seseorang kaunselor pemulihan berperanan untuk bekerjasama dengan ibu bapa serta anak keperluan khas dan mengenal pasti serta memantau perkhidmatan yang diberikan kepada golongan ini semasa proses pemulihan dijalankan. Proses pemulihan ini akan menekankan kepada cara seseorang membantu diri meningkatkan fungsi dan keupayaan diri masing-masing serta kualiti kehidupan berdasarkan kepada keperluan serta kehendak tertentu yang diinginkan (Zuhda 2014). Apabila masalah dapat dikenal pasti dan dikurangkan, maka secara tidak langsung keadaan ini dapat membantu anak keperluan khas untuk terus berada dalam masyarakat tanpa berasa rendah diri memikirkan kekurangan yang ada. Namun, persoalannya, sejauh manakah keberkesanan modul ini dalam membantu anak keperluan khas mendapat celik akal untuk berdepan dengan masalah-masalah psikososial dalam konteks Malaysia?

Bagi murid keperluan khas yang telah menamatkan persekolahan mereka menghadapi kesukaran mendapat pekerjaan yang sesuai. Kebanyakan majikan merasakan golongan ini tidak layak atau jika diambil bekerja akan menjadi beban kepada mereka ini akan menyebabkan golongan keperluan khas merasa hampa, sedih dan kecewa. Kepentingan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar keperluan khas tidak dapat dinafikan lagi. Namun, kajian-kajian mengenai keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada keluarga serta pelajar keperluan khas di Malaysia masih terhad. Justeru itu, kajian ini adalah untuk melihat kepentingan kaunseling kepada ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kepentingan kaunseling kepada ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas. Secara khusus, kajian yang dijalankan tentang kepentingan kaunseling kepada ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas adalah untuk:

1. Mengetahui masalah yang dihadapi oleh ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas.
2. Mengetahui adakah ibu bapa mempunyai pengetahuan dalam menangani pengurusan kehidupan anak keperluan khas.
3. Mengetahui persepsi ibu bapa terhadap guru kaunseling dalam menangani keperluan pendidikan anak keperluan khas.
4. Mengetahui sejauh mana ibu bapa mempunyai pengetahuan dalam menangani keperluan masa depan atau pekerjaan anak keperluan khas.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan mengenai kepentingan kaunseling kepada ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas. Aspek-aspek yang dikaji ialah cara ibu bapa untuk mendapatkan panduan atau bimbingan dalam menjaga atau menguruskan anak-anak keperluan khas. Borang soal selidik digunakan sebagai alat untuk mengumpul maklumat-maklumat kajian. Menurut Khalid (2003), kaedah tinjauan adalah satu kajian pengumpulan data dari sejumlah individu dalam satu masa. Data yang dikumpul boleh dibuat analisis dengan logik. Menurut beliau lagi, penyelidikan tinjauan bertujuan untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku.

Populasi dalam kajian ini adalah merupakan ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas di sebuah sekolah menengah daerah Bandar Sri Permaisuri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sampel dalam kajian ini adalah seramai 30 orang ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas dalam kelas pendidikan khas di sekolah menengah daerah Bandar Sri Permaisuri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Alat kajian yang digunakan ialah borang soal selidik yang mengandungi soalan-soalan yang berkenaan. Item-item soal selidik digubal dan diubah suai oleh pengkaji sendiri berdasarkan daripada soal selidik yang dibina oleh Mohd Noh (2001) yang telah membuat kajian mengenai sikap pelajar Melayu terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di salah sebuah sekolah menengah di daerah Klang, Selangor. Soal selidik yang digunakan mempunyai tiga bahagian, iaitu Bahagian A, B dan C. Bahagian A mengandungi maklumat diri responden seperti jantina, bangsa, jantina anak, pekerjaan suami dan pekerjaan isteri. Bahagian B adalah mengenai masalah ibu bapa. Bahagian C mengenai penjagaan, pengurusan dan keperluan anak keperluan khas. Bahagian B dan (C) masing-masing mengandungi 15 item yang menggunakan skala Likert. Dalam kajian ini, skala Likert yang digunakan mempunyai lima kenyataan jawapan bagi setiap item, iaitu: Sangat Tidak Setuju (STS) = 1, Tidak Setuju (TS) = 2, Tidak Pasti (TP) = 3, Setuju (S) = 4 dan Sangat Setuju (SS) = 5.

Kajian rintis terhadap instrumen kajian telah dijalankan kepada lima orang ibu bapa di sekolah menengah di daerah Setiu, Terengganu untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang dibentuk sebelum kajian sebenar dijalankan. Analisis terhadap ujian rintis menggunakan kaedah Cronbach alpha untuk menentukan kebolehpercayaan soal selidik. Menurut Mohd Majid (2000), indeks kebolehpercayaan yang melebihi 0.6 boleh dijadikan asas bagi menentukan kebolehan soal selidik. Soalan-soalan yang menunjukkan nilai alpha yang tinggi untuk sesuatu konstruk menunjukkan bahawa soalan itu seragam, iaitu mereka mengukur satu konstruk yang sama.

Kajian ini menggunakan ukuran skala Likert 5 mata untuk mengukur aras persetujuan responden terhadap kenyataan yang dikemukakan dalam soal selidik. Data yang telah dikumpul diproses dan dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif, iaitu penghuraian secara peratusan, kekerapan dan min. Hasil jawapan responden akan dijumlahkan dan dinilai skornya. Skor yang tinggi dikatakan sebagai mempunyai persepsi positif, manakala skor yang rendah dikatakan mempunyai persepsi negatif. Penilaian skor min tahap pencapaian yang dipilih oleh pengkaji berdasarkan panduan yang telah dibuat oleh Khalid (2003) adalah seperti berikut: (a) skor min 1.00 hingga 2.33 adalah tahap rendah, (b) skor min 2.34 hingga 3.67 adalah tahap sederhana, dan (c) skor min 3.68 hingga 5.00 adalah tahap tinggi.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Responden

Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 30 orang. Responden adalah terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas di sebuah sekolah menengah di negeri Wilayah Persekutuan. Jadual 1 menunjukkan taburan maklumat diri responden yang terdiri daripada para ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas.

Berdasarkan jadual, responden yang terlibat adalah terdiri daripada 14 orang (46.7 %) adalah kaum bapa dan 16 orang (53.3 %) kaum ibu. Dari segi bangsa, 21 orang (70.0 %) adalah berketurunan Melayu, 4 orang (13.3 %) Cina dan India manakala 1 orang (3.3 %) adalah lain-lain. Seterusnya, dari segi jantina anak pula ialah seramai 22 orang (73.3 %) anak lelaki dan seramai 8 orang (26.7 %) anak perempuan.

Jadual 1. Profil responden – ibu bapa

Maklumat Ibu Bapa		Kekerapan (N = 30)	Peratusan (%)
Jantina:	• Lelaki (bapa)	14	46.7
	• Perempuan (ibu)	16	53.3
Bangsa:	• Melayu	21	70.0
	• Cina	4	13.3
	• India	4	13.3
	• Lain-lain kaum	3	3.3
	• Jantina anak:	22	73.3
Pekerjaan suami:	• Lelaki	8	26.7
	• Perempuan	11	36.7
	• Kerajaan	13	43.3
	• Swasta	2	6.7
Pekerjaan isteri:	• Bekerja sendiri	4	13.3
	• Tidak bekerja	5	16.7
	• Kerajaan	5	16.7
	• Swasta	2	6.7
	• Bekerja sendiri	18	60.0
	• Tidak bekerja		

Masalah Ibu Bapa yang Mempunyai Anak Keperluan Khas

Jadual 2 adalah berkaitan dengan maklum balas daripada responden berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas. Secara keseluruhan, item yang paling banyak diterima oleh responden ialah item 1, iaitu '*Saya dapat mengenal pasti bahawa anak saya menghadapi ketidakupayaan (keperluan khas)*'. Seramai 13 orang (43.3 %) sangat setuju dengan item ini, seramai 12 orang (40.0 %) setuju dengan item ini dan seramai 5 orang (16.7 %) tidak pasti dengan item ini. Sebaliknya, tidak terdapat responden yang tidak bersetuju dengan item 1 ini. Hal ini kerana responden iaitu ibu bapa boleh mengenal pasti bahawa anak mereka menghadapi ketidakupayaan (keperluan khas).

Terdapat dua item yang tidak diterima oleh responden yang dipilih dan kedua item ini adalah berbentuk item negatif. Item 6 dan 13 secara majoriti mendapat pilihan jawapan tidak bersetuju. Hal ini dapat disimpulkan bahawa ibu bapa sangat mengambil berat terhadap anak keperluan khas mereka. Dapat dilihat bahawa item 6 dengan pernyataan '*Saya merasa malu dengan masyarakat kerana mempunyai anak keperluan khas*' adalah tidak diterima oleh responden, iaitu seramai 7 orang (23.3 %) sangat tidak setuju, seramai 21 orang (70.0 %) tidak setuju, seorang responden (3.3 %) tidak pasti dan hanya seorang responden (3.3 %) yang setuju dengan item ini. Seterusnya, bagi item 13 pula dengan pernyataan '*Saya sering merasa ragu-ragu untuk pergi mendapatkan perkhidmatan kaunseling*' adalah seramai 5 orang (16.7 %) sangat tidak setuju, seramai 22 orang (73.3 %) tidak setuju, seramai 2 orang (6.7 %) tidak pasti dan hanya seorang responden (3.3 %) yang setuju dengan item ini.

Dari segi min pula, purata tertinggi bagi maklum balas responden berkaitan masalah ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas, iaitu 4.57 adalah pada item 8 dengan pernyataan '*Saya akan membantu anak*'

saya yang keperluan khas'. Bagi purata yang paling rendah ialah min 1.93, iaitu pada item 12 dengan pernyataan 'Saya merasa malu dan segan untuk pergi mendapatkan perkhidmatan kaunseling'.

Secara keseluruhan, purata min bagi maklum balas responden berkaitan masalah ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas ialah 3.14. Mengikut penilaian skor min tahap pencapaian yang dipilih oleh pengkaji berdasarkan panduan yang telah dibuat oleh Khalid (2003), purata min ini adalah berada pada tahap sederhana. Hal ini bermakna ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas ini ada yang mengambil berat dan ada yang tidak mengambil berat akan keperluan kaunseling anak-anak istimewa mereka itu.

Jadual 2. Maklum balas responden berkaitan masalah ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas

No.	Item	STS	TS	KS	S	ST	Min	SP
1	Saya dapat mengenal pasti bahawa anak saya menghadapi ketidak-upayaan (keperluan khas)	0 (0%)	0 (0%)	5 (16.7%)	12 (40.0%)	13 (43.3%)	4.27	0.74
2	Saya mengetahui masalah ketidak-upayaan khusus yang dihadapi oleh anak saya.	0 (0%)	1 (3.3%)	4 (13.3%)	15 (50.0%)	10 (33.3%)	4.13	0.78
3	Saya merasa sedih apabila mengetahui bahawa anak saya keperluan khas.	1 (3.3%)	10 (33.3%)	2 (6.7%)	15 (50.0%)	2 (6.7%)	3.23	1.10
4	Saya merasa bimbang apabila mengetahui bahawa anak saya keperluan khas.	0 (0%)	2 (6.7%)	2 (6.7%)	23 (76.7%)	3 (10.0%)	3.90	0.66
5	Saya merasa kecewa apabila mengetahui bahawa anak saya keperluan khas.	3 (10.0%)	17 (56.7%)	4 (13.3%)	5 (16.7%)	1 (3.3%)	2.47	1.01
6	Saya merasa malu dengan masyarakat kerana mempunyai anak keperluan khas.	7 (23.3%)	21 (70.0%)	1 (3.3%)	0 (0%)	1 (3.3%)	1.90	0.76
7	Saya tidak kisah bahawa anak saya keperluan khas.	1 (3.3%)	14 (46.7%)	3 (10.0%)	9 (30.0%)	3 (10.0%)	2.97	1.16
8	Saya akan membantu anak saya yang keperluan khas.	1 (3.3%)	0 (0%)	0 (0%)	9 (30.0%)	20 (66.7%)	4.57	0.82
9	Saya berjumpa kaunselor apabila menghadapi sebarang masalah berkaitan dengan anak saya.	1 (3.3%)	4 (13.3%)	1 (3.3%)	20 (66.7%)	4 (13.3%)	3.73	0.98
10	Berbincang dengan kaunselor sekurang-kurangnya boleh menghilangkan tekanan yang saya hadapi.	2 (6.7%)	3 (10.0%)	0 (0%)	21 (70.0%)	4 (13.3%)	3.73	1.05
11	Saya senang apabila berjumpa dengan kaunselor yang mempunyai kemahiran dan mampu untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.	0 (0%)	2 (6.7%)	2 (6.7%)	19 (63.3%)	7 (23.3%)	4.03	0.77
12	Saya merasa malu dan segan untuk pergi mendapatkan perkhidmatan kaunseling.	8 (26.7%)	18 (60.0%)	2 (6.7%)	2 (6.7%)	0 (0%)	1.93	0.79
13	Saya sering merasa ragu-ragu untuk pergi mendapatkan perkhidmatan kaunseling.	5 (16.7%)	22 (73.3%)	2 (6.7%)	1 (3.3%)	0 (0%)	1.97	0.62
14	Saya tidak suka menemui kaunselor kerana ia senang mencungkil rahsia saya.	6 (20.0%)	19 (63.3%)	3 (10.0%)	2 (6.7%)	0 (0%)	2.03	0.77
15	Adalah lebih baik bagi saya cuba mengatasi masalah dengan memendamkannya dari meminta bantuan daripada kaunselor.	5 (16.7%)	20 (66.7%)	2 (6.7%)	1 (3.3%)	2 (6.7%)	2.17	0.99
Min Keseluruhan							3.14	

Pengetahuan Ibu Bapa dalam Menangani Pengurusan Kehidupan Anak Keperluan Khas

Jadual 3 adalah berkaitan dengan maklum balas daripada responden berkaitan dengan pengetahuan ibu bapa dalam menangani pengurusan kehidupan anak keperluan khas. Secara keseluruhan, majoriti responden mempunyai pendapat yang sama bagi item 1 dan 2. Hal ini kerana majoriti menunjukkan reaksi tidak setuju bagi item ini. Secara umum, responden tidak bersetuju bahawa cara penjagaan anak keperluan khas adalah sama dengan penjagaan anak yang tipikal serta pengurusan kehidupan anak keperluan khas adalah mudah. Berdasarkan Jadual 3, seramai 7 orang (23.3 %) responden sangat tidak setuju dan seramai 16 orang (53.3 %) responden tidak setuju dengan item 'Cara penjagaan anak keperluan khas adalah sama dengan penjagaan anak yang tipikal (*normal*)'. Untuk item yang seterusnya, iaitu seramai 4 orang (13.3 %) responden sangat tidak setuju dan seramai 19 orang (63.3 %) responden tidak setuju dengan item 'Pengurusan kehidupan anak keperluan khas adalah mudah'. Seterusnya, majoriti responden bersetuju dengan item 4, iaitu 'Saya mengetahui cara untuk penjagaan diri anak saya'. Seramai 27 orang (90 %) responden bersetuju dengan item ini dan hanya seramai 3 orang (10.0 %) responden sahaja tidak bersetuju dengan item ini. Jelas bahawa ibu bapa sangat mengetahui cara untuk menjaga anak keperluan khas mereka.

Dari segi min pula, purata tertinggi bagi maklum balas responden berkaitan pengetahuan ibu bapa dalam menangani pengurusan kehidupan anak keperluan khas, iaitu 4.10 adalah pada item 4 dengan pernyataan 'Saya mengetahui cara untuk penjagaan diri anak saya'. Item 1 dengan pernyataan 'Cara penjagaan

anak keperluan khas adalah sama dengan penjagaan anak yang tipikal (normal)' ialah item paling rendah min, iaitu 2.20.

Secara keseluruhan, purata min bagi maklum balas responden berkaitan pengetahuan ibu bapa dalam menangani pengurusan kehidupan anak keperluan khas adalah sebanyak 3.04. Berdasarkan panduan Khalid (2003), purata min ini adalah berada pada tahap sederhana. Dengan kata lain, ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas ini masih kurang pengetahuan dalam menangani masalah pengurusan kehidupan anak-anak keperluan khas.

Jadual 3: Maklum balas responden berkaitan pengetahuan ibu bapa dalam menangani pengurusan kehidupan anak keperluan khas

No. Item	Kenyataan	(STS)	(TS)	(TP)	(S)	(SS)	Min	SP
1.	Cara penjagaan anak keperluan khas adalah sama dengan penjagaan anak yang tipikal (normal).	7 (23.3%)	16 (53.3%)	1 (3.3%)	6 (20.0%)	0 (0%)	2.20	1.03
2.	Pengurusan kehidupan anak keperluan khas adalah mudah.	4 (13.3%)	19 (63.3%)	3 (10.0%)	3 (10.0%)	1 (3.3%)	2.27	0.94
3.	Penjagaan diri anak keperluan khas adalah amat rumit.	2 (6.7%)	15 (50.0%)	5 (16.7%)	6 (20.0%)	2 (6.7%)	2.70	1.09
4.	Saya mengetahui cara untuk penjagaan diri anak saya.	0 (0%)	1 (3.3%)	2 (6.7%)	20 (66.7%)	7 (23.3%)	4.10	0.66
5.	Saya mempunyai pengetahuan tentang pengurusan kehidupan seharian anak saya.	0 (0%)	1 (3.3%)	3 (10.0%)	23 (76.7%)	3 (10.0%)	3.93	0.58
Min Keseluruhan							3.04	

Persepsi Ibu Bapa terhadap Guru Kaunseling dalam Menangani Keperluan Pendidikan Anak Keperluan Khas

Jadual 4 adalah berkaitan dengan maklum balas daripada responden berkaitan persepsi ibu bapa terhadap guru kaunseling dalam menangani keperluan pendidikan anak keperluan khas. Secara keseluruhan, majoriti responden mempunyai pendapat yang sama bagi item 6 hingga 10. Hal ini kerana majoriti responden menunjukkan reaksi bersetuju bagi item-item ini. Secara umum, responden bersetuju bahawa perkhidmatan kaunseling ini adalah merupakan satu cara terbaik, sangat berkesan dan boleh membantu anak-anak mereka untuk mendapat pendidikan yang bersesuaian. Hanya terdapat segelintir responden yang tidak bersetuju dengan item yang telah dinyatakan kerana mempunyai pendapat yang berbeza iaitu menganggap bahawa perkhidmatan kaunseling kurang atau tidak membantu anak-anak mereka untuk mendapat pendidikan yang bersesuaian.

Dari segi min pula, purata tertinggi bagi maklum balas responden berkaitan persepsi ibu bapa terhadap guru kaunseling dalam menangani keperluan pendidikan anak keperluan khas, iaitu 4.10 ialah item 7 dengan pernyataan '*Saya percaya perkhidmatan kaunseling merupakan satu cara terbaik untuk membantu menangani keperluan pendidikan anak saya*'. Bagi purata yang paling rendah pula, iaitu 3.83 ialah item 8 dengan pernyataan '*Perkhidmatan kaunseling dapat memberikan perkhidmatan yang berkesan terhadap keperluan pendidikan anak keperluan khas*'.

Secara keseluruhan, purata min bagi maklum balas responden berkaitan persepsi ibu bapa terhadap guru kaunseling dalam menangani keperluan pendidikan anak keperluan khas adalah sebanyak 4.01. Mengikut penilaian skor Khalid (2003), purata min ini adalah berada pada tahap tinggi. Hal ini bermakna ibu bapa yang mempunyai anak-anak keperluan khas ini memandang tinggi kepakaran yang dimiliki oleh guru-guru kaunseling dalam menangani keperluan pendidikan anak keperluan khas. Ibu bapa mempunyai persepsi yang tinggi akan perkhidmatan kaunseling dan guru kaunseling yang banyak membantu anak-anak keperluan khas dalam konteks pendidikan.

Jadual 4: Maklum balas responden berkaitan persepsi ibu bapa terhadap guru kaunseling dalam menangani keperluan pendidikan anak keperluan khas

No. Item	Kenyataan	(STS)	(TS)	(TP)	(S)	(SS)	Min	SP
6.	Perkhidmatan kaunseling memberikan banyak faedah kepada saya untuk menangani keperluan pendidikan anak saya.	0 (0%)	3 (10.0%)	2 (6.7%)	17 (56.7%)	8 (26.7%)	4.00	0.87
7.	Saya percaya perkhidmatan kaunseling merupakan satu cara terbaik untuk membantu menangani keperluan pendidikan anak saya.	0 (0%)	2 (6.7%)	2 (6.7%)	17 (56.7%)	9 (30.0%)	4.10	0.80

No. Item	Kenyataan	(STS)	(TS)	(TP)	(S)	(SS)	Min	SP
8.	Perkhidmatan kaunseling dapat memberikan perkhidmatan yang berkesan terhadap keperluan pendidikan anak keperluan khas.	1 (3.3%)	2 (6.7%)	2 (6.7%)	21 (70.0%)	4 (13.3%)	3.83	0.87
9.	Kaunseling yang dijalankan dapat menyediakan saya cara yang terbaik untuk mengatasi masalah keperluan pendidikan anak saya.	0 (0%)	1 (3.3%)	2 (6.7%)	21 (70.0%)	6 (20.0%)	4.07	0.64
10.	Perkhidmatan kaunseling adalah berguna bagi anak saya untuk mendapat pendidikan yang bersesuaian.	0 (0%)	1 (3.3%)	2 (6.7%)	22 (73.3%)	5 (16.7%)	4.03	0.61
Min Keseluruhan							4.01	

Pengetahuan Ibu Bapa dalam Menangani Keperluan Masa Depan atau Pekerjaan Anak Keperluan Khas

Jadual 5 adalah berkaitan dengan maklum balas daripada responden berkaitan pengetahuan ibu bapa dalam menangani keperluan masa depan atau pekerjaan anak keperluan khas. Secara keseluruhan, majoriti responden mempunyai pendapat yang sama bagi item 11 hingga 15. Hal ini juga kerana majoriti responden menunjukkan reaksi bersetuju bagi item-item ini. Secara umum, responden bersetuju bahawa perkhidmatan kaunseling ini adalah sangat membantu anak-anak mereka untuk mendapat peluang masa depan yang cerah dan membolehkan anak mereka mendapat pekerjaan yang bersesuaian pada masa hadapan. Responden juga akan berusaha untuk mendapatkan pendedahan kemahiran yang bersesuaian bagi melayakkan anak mereka mendapat peluang pekerjaan. Hanya terdapat beberapa orang responden yang tidak bersetuju dengan item yang telah dinyatakan kerana mempunyai pendapat yang berbeza dan berlawanan.

Dari segi min pula, purata tertinggi bagi maklum balas responden berkaitan pengetahuan ibu bapa dalam menangani keperluan masa depan atau pekerjaan anak keperluan khas, iaitu 4.30 adalah pada item 14 dengan pernyataan '*Saya yakin bahawa anak saya dapat berdikari pada masa depan sekiranya mendapat bimbingan yang sesuai*'. Item 12 merupakan item yang paling rendah nilai min, iaitu 4.00 dengan pernyataan '*Saya yakin bahawa perkhidmatan kaunseling adalah berguna bagi anak saya untuk mendapat peluang masa depan yang cerah*'.

Secara keseluruhan, purata min bagi maklum balas responden berkaitan pengetahuan ibu bapa dalam menangani keperluan masa depan atau pekerjaan anak keperluan khas adalah sebanyak 4.10. Mengikut penilaian skor min Khalid (2003), purata min ini adalah berada pada tahap tinggi. Hal ini bermakna ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas mengambil berat akan masa depan anak-anak mereka, termasuk pekerjaan. Ibu bapa berasa yakin bahawa maklumat yang diperoleh melalui perkhidmatan kaunseling dapat membantu anak-anak mereka berjaya dalam hidup.

Jadual 5: Maklum balas responden berkaitan pengetahuan ibu bapa dalam menangani keperluan masa depan atau pekerjaan anak keperluan khas

No. Item	Kenyataan	(STS)	(TS)	(TP)	(S)	(SS)	Min	SP
11.	Saya merasakan melalui kaunseling, ia dapat menyediakan cara yang terbaik untuk mengatasi masalah keperluan masa depan atau pekerjaan anak saya.	0 (0%)	2 (6.7%)	1 (3.3%)	21 (70.0%)	6 (20.0%)	4.03	0.72
12.	Saya yakin bahawa perkhidmatan kaunseling adalah berguna bagi anak saya untuk mendapat peluang masa depan yang cerah.	0 (0%)	2 (6.7%)	2 (6.7%)	20 (66.7%)	6 (20.0%)	4.00	0.74
13.	Saya akan mendapatkan bantuan tentang pendedahan kemahiran yang bersesuaian bagi anak saya untuk melayakkannya mendapat pekerjaan pada masa hadapan.	0 (0%)	2 (6.7%)	2 (6.7%)	19 (63.3%)	7 (23.3%)	4.03	0.76
14.	Saya yakin bahawa anak saya dapat berdikari pada masa depan sekiranya mendapat bimbingan yang sesuai.	0 (0%)	1 (3.3%)	1 (3.3%)	16 (53.3%)	12 (40.0%)	4.30	0.70
15.	Saya mengetahui bahawa anak saya boleh bekerja pada masa hadapan mengikut tahap kesesuaiannya.	0 (0%)	1 (3.3%)	2 (6.7%)	19 (63.3%)	8 (26.7%)	4.13	0.68
Min Keseluruhan							4.10	

PERBINCANGAN

Masalah yang Dihadapi oleh Ibu Bapa yang Mempunyai Anak Keperluan Khas

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, majoriti responden iaitu ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas di sebuah sekolah di negeri Wilayah Persekutuan menunjukkan bahawa mereka dapat mengenal pasti tentang ketidakupayaan dan mengetahui masalah ketidakupayaan khusus yang dihadapi oleh anak mereka. Selain itu, kebanyakan ibu bapa merasa sangat sedih dan bimbang apabila mula-mula mengetahui tentang ketidakupayaan yang dihadapi oleh anak mereka. Hal ini kerana mereka tidak mempunyai ilmu tentang cara

penjagaan dan pengurusan anak keperluan khas. Mereka sangat bimbang bahawa mereka tidak dapat menjaga anak mereka itu dengan cara yang betul. Pernyataan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Hasnah (2015) yang menjelaskan bahawa kajian mengenai ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas mendapati, mereka mengalami tahap tekanan lebih tinggi berbanding ibu bapa yang memiliki anak yang tipikal (normal) dan antara penyebabnya adalah keperluan pengurusan tinggi dan kekurangan perkhidmatan serta sokongan.

Setelah mengetahui dan mendapat pendedahan daripada beberapa sumber mengenai cara pengurusan anak keperluan khas, ibu bapa dapat berada dalam keadaan yang sedikit lega dan dapat menerima dengan baik kelahiran anak keperluan khas mereka itu. Majoriti responden tidak merasa kecewa dan malu apabila dapat mengetahui bahawa anak mereka menghadapi ketidakupayaan kerana menganggap itu semua adalah anugerah daripada Yang Maha Esa. Secara umumnya, hampir semua responden ingin membantu anak-anak mereka dalam melalui kehidupan pada masa akan datang. Lazimnya, hubungan perasaan kasih sayang semula jadi antara ibu dan anak akan timbul dan kesedaran ibu bapa serta keluarga terhadap pemulihan anak-anak keperluan khas harus diberi keutamaan kerana diakui bukan mudah untuk menjaga anak keperluan khas (Siti Zuraida, 2009).

Seterusnya, majoriti responden sering mendapat nasihat atau bimbingan daripada pihak kaunseling dalam menguruskan anak keperluan khas mereka. Mereka berpendapat bahawa perasaan mereka sangat senang dan kurang menghadapi tekanan apabila berkongsi masalah dan perasaan dengan kaunselor. Terdapat hanya segelintir bilangan kecil sahaja responden yang tidak mahu untuk berjumpa dengan kaunselor kerana malu serta ragu-ragu dan menganggap bahawa kaunselor ingin mencungkil rahsia mereka. Mereka juga berpendapat bahawa adalah lebih baik cuba mengatasi masalah itu sendiri dengan memendamkannya dari meminta bantuan daripada kaunselor.

Pengetahuan Ibu Bapa dalam Menangani Pengurusan Kehidupan Anak Keperluan Khas

Majoriti responden berpendapat bahawa cara pengurusan anak keperluan khas adalah tidak sama dengan anak yang tipikal (normal). Mereka beranggapan pengurusan anak ini adalah tidak mudah dan amat rumit. Namun, pengetahuan ibu bapa dalam menangani pengurusan kehidupan anak keperluan khas adalah sangat tinggi. Masyarakat terutamanya ibu bapa perlu sedar bahawa anak keperluan khas adalah golongan minoriti dalam sesebuah komuniti, namun mempunyai hak yang sama dalam masyarakat itu sendiri. Mereka tidak seharusnya melihat anak yang menghadapi ketidakupayaan ini sebagai bebanan, sebaliknya menyedari tanggungjawab terhadap anak ini (Zuhda, 2014). Majoriti responden dalam kajian ini mengetahui cara penjagaan diri dan mempunyai pengetahuan tentang pengurusan kehidupan seharian anak-anak keperluan khas.

Persepsi Ibu Bapa terhadap Guru Kaunseling dalam Menangani Keperluan Pendidikan Anak Keperluan Khas

Pada 16 Mei 1994, kerajaan telah menandatangani satu Proklamasi Penyertaan Penuh dan Penyamaan Peluang. Antara bidang yang menjadi sasaran negara ialah koordinasi nasional, perundangan, informasi, kesedaran awam, kemudahan akses dan komunikasi, pendidikan, latihan dan pekerjaan, pencegahan sebab-sebab kecacatan, pemulihan, alat-alat kemudahan, pertubuhan sukarela dan akhir sekali ialah kerjasama serantau. Melaluinya diharapkan bahawa anak keperluan khas dapat meningkatkan potensi hidup mereka (Rosmawati, 2008).

Majoriti responden bersetuju bahawa perkhidmatan kaunseling memberikan banyak faedah kepada diri mereka dalam menangani keperluan pendidikan anak keperluan khas. Mereka sangat percaya bahawa perkhidmatan kaunseling ini juga adalah merupakan satu cara terbaik dan berkesan untuk membantu menangani keperluan pendidikan anak-anak mereka. Anak-anak ini harus disediakan pendidikan yang baik dan sekurang-kurangnya boleh membantu mereka berdikari. Perkhidmatan kaunseling ini juga adalah dianggap sangat berguna bagi anak keperluan khas mereka untuk mendapat pendidikan yang bersesuaian. Pendapat ini boleh menyokong lagi kajian yang telah dilakukan oleh Rosmawati (2008) yang menyatakan bahawa dengan kelengkapan yang sesuai boleh meningkatkan potensi hidup anak keperluan khas.

Pengetahuan Ibu Bapa dalam Menangani Keperluan Masa Depan atau Pekerjaan Anak Keperluan Khas

Hasnan dan Syed Othman (2001) menyatakan bahawa anak keperluan khas perlu diberi peluang dan galakan untuk membangunkan diri serta menyertai masyarakat secara berkesan. Hampir keseluruhan, majoriti responden dapat merasakan melalui kaunseling, ianya dapat menyediakan cara yang terbaik untuk mengatasi masalah keperluan masa depan atau pekerjaan anak keperluan khas mereka. Mereka juga sangat yakin bahawa perkhidmatan kaunseling adalah berguna bagi anak-anak mereka untuk mendapatkan peluang masa depan yang cerah serta bantuan tentang pendedahan kemahiran yang bersesuaian bagi melayakkan anak-anak mereka mendapat pekerjaan pada masa hadapan. Hampir semua responden, iaitu ibu bapa yakin bahawa anak keperluan

khass mereka dapat berdikari pada masa depan dan boleh bekerja pada masa hadapan mengikut tahap kesesuaian sekiranya mendapat bimbingan yang sesuai.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, melalui perbincangan dapatan kajian ini, ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas memberikan pendapat yang baik tentang kepentingan kaunseling. Bagi mereka, perkhidmatan kaunseling ini sangat membantu mereka dalam menangani kehidupan anak-anak mereka dalam penjagaan diri, keperluan dan pengurusan pendidikan dan keperluan pekerjaan serta masa depan anak-anak mereka. Ibu bapa lebih bersemangat dalam menguruskan anak keperluan khas kerana telah mendapat dorongan dan bimbingan yang kuat daripada kaunselor. Oleh itu, pihak kaunseling mestilah memberi kerjasama yang sangat baik dengan ibu bapa yang mempunyai anak keperluan khas demi menyediakan peluang masa hadapan yang cerah kepada anak-anak ini.

RUJUKAN

- Azhariah Saimi. (2011). Kesiediaan guru kaunseling dalam pelaksanaan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling terhadap pelajar keperluan Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasnah Toran. (2015). Cabaran besarkan anak OKU. *Berita Harian*, 25 Mei 2015. www.bharian.com.my (dicapai pada 30 November 2019)
- Hasnan & Syed Othman. (2001). Dasar dan pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan. Utusan Malaysia. www.utusan.com.my (dicapai pada 21 Julai 2019).
- Khalid Johari. (2003). *Penyelidikan dalam Pendidikan: Konsep dan Prosedur*. Kuala Lumpur: Pearson Prentice Hall.
- Lau Poh Li, Ahmad Shamsuri Muhamad & Chew Fong Peng. (2011). Peranan kaunselor dan perkhidmatan kaunseling kerjaya bagi orang kurang upaya. *Jurnal Atikan*, 1 (2): 233-345.
- Lee Keok Cheong, Ee Ah Meng, Suppiah Nachiappan & Taquddin Abd Mukti. (2014). *Bimbingan dan kaunseling Kanak-Kanak. Edisi Kemas Kini*. Petaling Jaya: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Lokman Mohd Tahir, Nurul Qistina Mustafa & Mohd Hanafi Mohd Yassin. (2009). Pendidikan teknik dan vokasional untuk pelajar keperluan khas. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 24: 73-87.
- Lomas, G.I. (2008). The Role of counselor in deaf education program in the Fifteen Largest United States metropolitan Areas. Disertasi Ph.D. Sam Houston State University.
- Milsom, A. (2002). Students with disabilities: school counselor involvement and preparation. *ASCA Profesional Counseling*, 5 (5): 331-338.
- Mohd Hafiz Abd Rahman. (2009). The study of development programs for the disabled community in Malaysia: The opportunities and problems in education and employment. Disertasi Sarjana Ekonomi. Universiti Malaya.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Noh Murlin. (2001). Sikap pelajar Melayu terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling: Satu kajian kes di salah sebuah sekolah menengah di daerah Klang, Selangor. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Aziah Mohd Awal. (2004). Hak pendidikan kanak-kanak kurang upaya di Malaysia. *Prosiding Seminar Pendidikan Khas*, 407-417. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rath, K.A. & Royer, J.M. (2002). The nature and effectiveness of learning disability services for college students. *Educational Psychology Review*, 14 (4): 353-381.
- Rosmawati Sulaiman. (2008). Peluang kesamarataan kepada golongan kurang upaya. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Zuraida Saad. (2009). *Pengalaman ibu mempunyai anak yang menghidap sindrom down*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suradi Salim. (2004). Perkhidmatan kaunseling di Malaysia: Perkembangan, cabaran dan halangan. *Syarahan Perdana*. Universiti Malaya.
- Shakila Basri. (2010). Ulasan keratan akhbar 2009 tentang orang kurang upaya. *Buletin Pendidikan Khas Universiti Sains Malaysia*, 2 (1): 19-20.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2007). Keperluan kaunseling untuk kanak-kanak. Dlm. Baharuddin Ismail & Madihah Mohamad Shukri (pnyt). *Kaunseling kanak-kanak*, 13-21. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- WHO [World Health Organization]. (1992). *Prevention of childhood blindness*. Geneva: World Health Organization.

- Zinaida Ariffin. (2004). Kepentingan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar cacat penglihatan di sebuah sekolah menengah pendidikan khas di Kuala Lumpur. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Zuhda Husain. (2014). Keberkesanan Modul Kaunseling Pemulihan terhadap masalah psikososial orang kurang upaya fizikal akibat kemalangan. Tesis Dr. Falsafah. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.